**NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA**
*MALAYSIAN SHIPPING NOTICE*

# MSN 17/ 2020


**JABATAN LAUT MALAYSIA**
Ibu Pejabat, Jabatan Laut Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.
Tel: 03-3346 7777 Fax: 03-3168 5289 E-mail: kpgr@marine,gov.my Website: http://www.marine.gov.my


## COVID-19: DOKUMENTASI PELAUT
*COVID-19: SEAFARERS' DOCUMENTATIONS*

**Notis kepada pemilik kapal, agen perkapalan, Nakhoda, pelaut, pengusaha pelabuhan, Badan Yang Diiktiraf dan industri maritim.**
*Notice to ship owners, ship agents, Masters, seafarers, port operators, Recognized Organization and the maritime industry.*

1. Notis ini menyatakan hal ehwal berkenaan dokumentasi pelaut setelah pembatalan Notis Perkapalan Malaysia (MSN) 13/2020.

2. Butiran dokumentasi pelaut yang dimaksudkan adalah seperti di **ANNEX I** pada Notis ini.

3. Notis ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

*1. This Notice serves to address matters relating to seafarers' documentations with the revocation of Malaysia Shipping Notice (MSN) 13/2020.*

*2. The related seafarers' documentations particular are stated in **ANNEX I** of this Notice.*

*3. This Notice is effective from the date of its issuance.*

**KETUA PENGARAH LAUT**
**6 OGOS 2020**

***DIRECTOR GENERAL OF MARINE***
***6 AUGUST 2020***

**ANNEX 1**

**MSN 17 / 2020**

1. Perjanjian Pengambilan Pelaut (SEA) boleh diberikan pelanjutan tempoh maksimum sehingga 13 bulan (termasuk pelanjutan) bergantung kepada permohonan, tertakluk atas kekangan COVID-19 yang dikenakan oleh negara asing di mana kapal beroperasi.

2. Syarikat perlu *sign-off* segera anak kapal yang tempoh SEA telah mencapai jumlah keseluruhan 13 bulan dalam perjanjian anak kapal yang sedia ada.

3. Keterangan tentang pelanjutan dokumentasi pelaut adalah seperti berikut:

a) <u>Kad Pelaut (SID)</u>

SID sedia ada pelaut di atas kapal tidak akan diberikan pelanjutan secara automatik lagi bermula 1 Ogos 2020.

b) <u>Sijil Pemeriksaan Kesihatan (MEC)</u>

MEC sedia ada pelaut tidak akan diberikan pelanjutan secara automatik lagi bermula 1 Ogos 2020.

Namun, bagi MEC yang tamat tempoh ketika pelaut masih melakukan pelayaran di atas kapal, MEC pelaut tersebut boleh diberikan pelanjutan sehingga 3 bulan, dan pelaut perlu melakukan pemeriksaan kesihatan dalam tempoh perlanjutan tersebut.

c) <u>Perakuan Kekompetenan (COC)</u>

Tarikh tamat tempoh COC pelaut Malaysia sedia ada tidak akan diberikan pelanjutan secara automatik lagi bermula 1 Ogos 2020.

d) <u>Perakuan Pengiktirafan (COR)</u>

Pelaut asing dibolehkan untuk memohon proses permohonan baharu atau pembaharuan COR. Tarikh sah laku COR yang baharu akan mengikut tempoh COE

*1. The Seafarers' Employment Agreement (SEA) may be extended for a maximum period of 13 months (including extension) on a case-by-case basis subject to any COVID-19 restrictions imposed by the Port State on which the ship is currently operating.*

*2. The Company must sign-off any crew whom the SEA has reached a total of 13 months in the existing crew agreement.*

*3. Information on the extension of seafarers' documentations are as follows:*

*a) <u>Seaman Card (SID)</u>*

*The existing SID of seafarer on board will no longer be automatically extended effective from 1 August 2020.*

*b) <u>Medical Examination Certificate (MEC)</u>*

*The existing MEC will no longer be automatically extended effective from 1 August 2020.*

*However, for MEC that expires while the crew is on board during the voyage of the ship, the MEC may be given an extension of up to 3 months, and the seafarer must undergo medical examination within the extension period.*

*c) <u>Certificate Competency (COC)</u>*

*The existing Malaysian seafarers' COC will no longer be automatically extended effective from 1 August 2020.*

*d) <u>Certificate of Recognition (COR)</u>*

*All foreign seafarers are allowed to submit his/her new COR application or renewal application. The new COR validity date will be given based on the*

asal atau tempoh lanjutan COE yang telah diberikan oleh negara pengeluar, tidak melebihi 1 tahun.

e) Sijil Kecekapan Pelaut (COP)

Tarikh sah laku COP pelaut Malaysia yang sedia ada dilanjutkan secara automatik untuk tempoh 6 bulan atau 31 Oktober 2020, yang mana lebih awal.

f) Perjanjian Anak Kapal Malaysia

Tarikh tamat tempoh Perjanjian Anak Kapal Malaysia sedia ada tidak akan diberikan pelanjutan secara automatik lagi bermula 1 Ogos 2020.

g) Peperiksaan Lisan

Semua tempoh sah akhir keputusan peperiksaan lisan pelaut Malaysia akan dilanjutkan secara automatik untuk tempoh 6 bulan atau 31 Oktober 2020, yang mana lebih awal.

4. Bagi penerangan dan pertanyaan lanjut tentang dokumentasi pelaut, sila hubungi:

**Pengarah**,
Bahagian Kawalan Industri Maritim,
Ibu Pejabat,
Jabatan Laut Malaysia.
bkim@marine.gov.my

*original COE period or the extended COE period given by the origin country, for a period of not more than 1 year.*

*e) Certificate of Proficiency (COP)*

*The validity date of the existing Malaysian COP is automatically extended for a period of 6 months or 31 October 2020, whichever is earlier.*

*f) Malaysian Crew Article*

*The existing Malaysian Crew Article will no longer be automatically extended effective from 1 August 2020.*

*g) Oral Examination*

*All final validity of the Malaysian seafarers' oral examination result will be automatically extended for a period of 6 months or 31 October 2020, whichever is earlier.*

*4. For further information and inquiries on seafarers' documentation, please contact:*

***Director**,*
*Maritime Industry Control Division,*
*Office,*
*Malaysian Marine Department.*
*bkim@marine.gov.my*

***